

HAJI TASSIM BIN HAJI ABU BAKAR

## Pendidikan dari Balai di Kampong Ayer ke Sekolah Moden di Darat, 1906 – 1941: Kajian Sejarah Pendidikan di Negara Brunei Darussalam

**IKHTISAR:** Kampong Ayer telah menjadi pusat penyebaran agama Islam yang berkembang pesat kerana terdapat ramai pendakwah Islam yang menyampaikan pelajaran agama Islam kepada penduduk di persekitarannya. Sistem pembelajaran di balai-balai di Kampong Ayer begitu popular sebelum tahun 1906, kerana menteri-menteri agama mempunyai balai masing-masing di rumah mereka. Kegiatan pembelajaran agama berterusan sehingga awal abad ke-20 dengan munculnya beberapa tokoh ulama di beberapa buah kampung di Kampong Ayer sehingga bangunan sekolah kekal dibangunkan ke kawasan daratan. Peralihan pembelajaran ilmu agama Islam dari balai di rumah-rumah di Kampong Ayer ke bangunan kekal di kawasan darat telah memberikan ruang dan peluang kepada penduduk Brunei untuk mengetahui ilmu membaca dan menulis berserta dengan kegiatan dan kemahiran-kemahiran yang bermanfaat. Akhirnya, pendidikan formal di Brunei telah diperkenalkan dalam sistem pendidikan Brunei menjadi empat aliran, iaitu aliran agama Islam, aliran Melayu, aliran Inggeris, dan aliran Cina.

**KATA KUNCI:** Kampong Ayer, penyebaran agama Islam, pembelajaran di balai, sekolah di daratan, dan sistem pendidikan Brunei moden.

**ABSTRACT:** This paper entitled "Education from the Home Station in Kampong Ayer (Water Village) to Modern School in the Land, 1906 - 1941: Study on History Education in Brunei Darussalam". Kampong Ayer, has become the center spread of Islam, is growing rapidly because there are many Islamic preachers who deliver education to the people of Islam in the region. Learning systems at home stations in Kampong Ayer so popular before 1906, due to the ministers of religion have their stations in their homes. Religious learning activities continued until the early 20<sup>th</sup> century with the advent of number religious scholars in several villages in Kampong Ayer so that school building is remain to develop in the land. Transition of Islamic learning from the home stations in Kampong Ayer to permanent school buildings on the land has given the space and opportunity to the people of Brunei to know the science of reading and writing along with activities and skills that are beneficial. Finally, formal education in Brunei has been introduced in the education system of Brunei into four schools' stream, namely Islamic, the Malay, English, and Chinese schools' stream.

**KEY WORD:** Kampong Ayer, the spread of Islam, learning at home stations, a school on the mainland, and Brunei modern education system.

### PENDAHULUAN

Perbincangan tentang kewujudan Bandar Brunei, atau dikenali sebagai Kampong Ayer, pada zaman tradisi

Brunei berdasarkan kepada pendapat sejarahwan tempatan (Jamil al-Sufri, 1991a, 1991b, 1992, dan 1997; dan Halim, 2002) dan juga mengikut

pandangan orang-orang Eropah seperti Antonio Pigafetta dan Francisco De Sande (dalam Nicholl ed., 1975).

Kertas kerja ini membicarakan sejarah pendidikan di negara Brunei Darussalam yang dimulakan daripada Kampong Ayer sehingga ke zaman moden. Perbincangan difokuskan kepada sejarah pendidikan, khususnya Islam, di Kampong Ayer sebelum kurun 20 Masihi sehingga pada period 1906-1941. Hal ini memandangkan bahawa sistem pembelajaran di balai-balai di Kampong Ayer begitu popular sebelum tahun 1906, kerana Menteri-menteri Agama mempunyai balai masing-masing di rumah mereka. Kegiatan pembelajaran agama pula berterusan sehingga awal abad ke-20 Masihi dengan munculnya beberapa tokoh ulama di beberapa buah kampung di Kampong Ayer, sehingga bangunan sekolah kekal dibangunkan ke kawasan daratan.<sup>1</sup>

### **KAMPONG AYER DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Kampong Ayer pada zaman pemerintahan Awang Alak Betatar (Sultan Muhammad Shah), yang memerintah pada 1363 sehingga 1402 Masihi, terletak di tepi sungai berhadapan Kota Batu. Di kawasan tepi sungai itulah Sultan dan pembesarpembesar negara mendirikan istana dan kediaman mereka. Sejarah wujudnya Kampong Ayer sebagai sebuah petempatan dan sebagai pusat pemerintahan Kerajaan Brunei tidak dapat diketahui dengan tepat akan tarikhnya. Para sejarawan tempatan,

<sup>1</sup>Kertas kerja ini, dalam bentuk *Power Points*, dibentang selama 15-20 minit dalam Persidangan Antarabangsa dengan tema "Historical Awareness Through Strengthening the National Pillars Towards a Smart and Civilized Nations: Shared Experiences of Indonesia, Malaysia and Brunei Darussalam", pada 19 – 21 Mei 2013, anjuran bersama ASPENSI (Asosiasi Sarjana Pendidikan Sejarah Indonesia) dan Department of History Education UVRI (Veteran University of the Republic of Indonesia) di Makasar, South Sulawesi, Indonesia.

seperti Pengiran Mohd Yusof<sup>2</sup> dan Mohd Jamil Al-Sufri,<sup>3</sup> berpendapat bahawa perkembangan dan sejarah Kerajaan Melayu Brunei mempunyai rantaian yang selari dengan kewujudan dan perkembangan Kampong Ayer. Sumber awal yang diperoleh tentang kewujudan Kampong Ayer ialah daripada *Syair Awang Semaun* (SAS).<sup>4</sup> Hasil daripada penemuan ini lahirlah istilah yang sering ditemui hingga sekarang tentang nama Brunei adalah berasal daripada loghat penemunya, iaitu sebagai "Barunah".<sup>5</sup>

Menurut tradisi lisan bahawa Brunei itu bukanlah yang ada sekarang, tetapi ia adalah berasal daripada nama sebatang sungai, iaitu Sungai Brunei yang letaknya berdekatan Kampong Patajian atau Kampong Palambaian sekarang, dan kemungkinan orang yang menemui tempat tersebut mengambil nama sungai ini. Sungai ini masih wujud hingga sekarang dan disebut sebagai Sungai Brunei. Menurut *Syair Awang Semaun* lagi bahawa perkampungan yang dibuka, setelah Awang Alak Betatar bersama kerabatnya bersetuju berpindah dari Garang ke hulu Sungai Brunei yang ada sekarang dengan mendirikan kampung di sepanjang sungai, iaitu dari Luba hingga ke Kota Batu.

Dari penemuan tersebut ternyata Kampong Ayer memang wujud selari dengan kewujudan pemerintahan beraja di negeri Brunei, iaitu bermula

<sup>2</sup>Beliau dikenali juga dengan nama "Yura Halim". Pengiran Mohd Yusof juga menulis buku *Adat Istitat Brunei* (1958) dan *Adat Mengulum Bahasa* (1992). Manakala buku yang ditulis bersama Mohd Jamil Umar bertajuk *Sejarah Brunei* (1997).

<sup>3</sup>Beliau dikenali Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri yang merupakan seorang sejarahwan Brunei yang banyak menulis buku mengenai sejarah Brunei.

<sup>4</sup>*Syair Awang Semaun* (SAS) merupakan satu karya historiografi yang tertua terhasil di Brunei. Syair ini mungkin terkarang sesudah kurun XVI Masihi, iaitu pada zaman atau selepas zaman pemerintahan Sultan Muhammad Hassan (1582 – 1598). Lihat juga Mohd Jamil Umar (1973); Siti Hawa Haji Salleh (1990); dan PSB [Pusat Sejarah Brunei] (2013).

<sup>5</sup>Sebutan ini diertikan sebagai "yang terbaik" atau "tempat yang baik".

dari Awang Alak Betatar.<sup>6</sup> Dalam syair ini dinyatakan:

Awang Alak Betatar berkata kepada Damang Sari, berserta Pateh kanan dan kiri. Kalau terpakai Awangku sendiri, ke dalam Brunei kita bernegeri (Haji Ibrahim, 1984:9).

Menurut syair ini banyak perkampungan yang dibuka, termasuklah Luba, kaki Bukit Salilah (Kampung Sungai Kianggeh), Saba, pesisir Kota Batu, Patajian, Pandai Besi, Pandai Emas, dan Labuahan Kapal.

Sumber tempatan Brunei, seperti *Syair Awang Semaun* (SAS) dan *Sisilah Raja-raja Brunei* (SRB), turut juga menyentuh tentang sejarah pemerintahan awal kerajaan Brunei dan pusat kerajaan Brunei. Dalam SRB dijelaskan tentang asal-usul Kota Batu dan Kampung Ayer. SRB menyebut Kota Batu telah menjadi ibu negara Brunei berikutan kewujudan Kampung Ayer yang ditemui oleh Sultan Sharif Ali (sultan ketiga) yang memerintah Brunei (Sweeney, 1998). Dijelaskan juga bahawa dalam pembentukan ibu



**Peta 1:**

Kerajaan Brunei Kurun ke-15 dan 16 Masihi (Sumber: DBI, 1987).

kota tersebut telah melibatkan pekerja-pekerja dari kaum Cina (Brown, 1970; dan Sweeney, 1998).

Selain sarjana tempatan, sarjana luar seperti Antonio Pigafetta (1521),<sup>7</sup> Thomas Forrest (1774–1776), Frank S. Marryat (1848), St. John Spenser (1862), dan Peter Blundell (1923)<sup>8</sup> juga

<sup>6</sup>Lihat, umpamanya, Haji Hashim Haji Abdul Hamid (1991 dan 1993). Sebutan “aying” adalah loghat Brunei. Perkataan ini juga dieja dengan “aying” bermaksud air. Pangilan “Kampung Ayer” hanya wujud sejak tahun 1910 apabila usaha perpindahan kedai-kedai Cina di air berpindah ke darat. Bahagian-bahagian yang tinggal di air dipanggil Kampung Ayer, iaitu dari terjemahan *Water Village* dan bangunan-bangunan di darat dipanggil “Bandar Brunei” atau *Brunei Town*. Kelompok rumah yang terdiri di atas air sebagai negeri tersendiri itulah asalnya yang dipanggil Brunei, Negeri Brunei, *Brunei Proper*, dan lain-lain lagi oleh pendatang asing ke Brunei. Sila lihat juga dalam Haji Abdul Latif Haji Ibrahim (1984:9).

<sup>7</sup>Antonio Pigafetta merupakan seorang pengembara Itali yang menyertai rombongan Magellan (Sepanyol) yang telah singgah di Brunei dalam tahun 1521 Masihi dalam zaman pemerintahan Sultan Bolkia (1485 – 1524). Rombongan Sepanyol itu telah mengadap Sultan Abdul Kahar (yang memerintah 1524 – 1530, selepas Sultan Bolkia), yang menjadi Pemangku Sultan, sementara Sultan Bolkia belayar ke luar negeri.


<sup>8</sup>Peter Blundell, atau nama sebenarnya ialah Frank Nestle Butterworth (1875 – 1952), seorang berbangsa Inggeris datang ke Brunei pada 1901. Peter Blundell telah datang ke Brunei dalam zaman pemerintahan Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin (1885 – 1906). Beliau pada mulanya menjadi jurutera dan

telah memberikan gambaran tentang Kampong Ayer yang mempunyai rumah-rumah yang didiami oleh orang Melayu Brunei pada masa itu yang didirikan di atas air. Misalnya, dalam zaman kegemilangan pemerintahan Sultan Bolkiah, iaitu Sultan Brunei ke-5 (1485–1524 Masihi), Kampong Ayer merupakan pusat pentadbiran dan pemerintahan Empayar Brunei yang meliputi Pulau Borneo dan pulau-pulau di Selatan Filipina (Haji Abdul Hamid, 2003:41). Selanjutnya, lihat peta 1 dan peta 2 berikut ini.

Semasa pemerintahan Sultan Bolkiah (1485–1524 Masihi), Brunei telah berjaya meluaskan tanah jajahannya merangkumi keseluruhan Pulau Borneo, Kesultanan Sambas, Kepulauan Sulu, Kepulauan Balabac, Banggi, Balambangan, Mantanani, dan kawasan barat daya Pahlawan telah menjadi *vassal* kedaulatan Brunei (Hughes-Hallet, 1940:23; Singh, 1984:1-19; dan Asbol bin Haji Mail, 2002:10). Perkara ini, sekali lagi, jelas dinyatakan oleh D.S. Ranjit Singh seperti berikut:

*This was the Golden Age of Brunei. Her sovereignty extended over whole island*

kemudiannya Pengurus *Island Trading Syndicate* yang memproses ubar (*cutch*) dari pokok bakau. Peter Blundell adalah seorang penulis buku *The City of Many Waters* pada tahun 1923 di Brunei yang berdasarkan pengalaman pengarangnya semasa tinggal di bandar Brunei di atas air. Pengarang menceritakan fizikal keadaan bandar dan kehidupan penduduknya pada masa itu.



**Peta 2:**

Hubungan Brunei dengan Dunia Luar pada Abad ke-6 hingga ke-3 Masihi (Sumber: PSB, 2000)

*of Borneo, the Sultanates of Sambas, Pontianak, Banjarmasin, Pasir, Kotei, and Bolongan being her vassals, as well as over the Sulu archipelago and over the islands of Balabac, Banggi, Balambangan, and Palawan (Singh, 1984:19).*

Daerah jajahan Brunei semakin meluas ke bahagian Sarawak dari Tanjung Datu hingga ke Sungai Rejang merangkumi Simantan, Lundu, Singe, Sarawak Asal, Bandar Kuching, Samarahan, Sadong, Sebuyau, Lingga, Undup, Batang Lupar, Skrang, Saribas, Paku, Kalaka, Serikei, Kanowit, Balai Karangan, dan Sabangan (Asbol bin Haji Mail, 2002:56). Perkembangan jajahan takluk Brunei berkait rapat dengan

perkembangan syiar agama Islam, yang semakin berkembang bukan sahaja di kalangan penduduk Brunei, bahkan tersebar luas ke tanah-tanah jajahannya sesuai dengan gelaran Brunei sebagai pusat perkembangan Islam di rantau Asia Tenggara pada ketika itu.

Kejatuhan Melaka ke tangan Portugis dan kedatangan agama Islam ke Brunei telah menyebabkan para pedagang di Melaka berpindah ke Brunei (Singh, 1984:19). Pedagang-pedagang luar telah menjadikan pelabuhan Brunei sebagai tempat persinggahan sebelum belayar ke Melaka. Brunei telah didatangi oleh para pendakwah-pendakwah Islam yang menyebarkan agama Islam. Ini telah menguntungkan Brunei dari segi perkembangan ilmu agama Islam. Selain itu, kepentingan Teluk Brunei sebagai pelabuhan semakin menyerlah dan peranan Melaka sebagai pusat perdagangan di Asia Tenggara telah berkurangan; dan para pedagang luar telah beralih arah ke Brunei seperti yang dijelaskan oleh Cesor Adid Majul berikut ini:

*Following the Portugese conquest of Malacca, and its harassment of Johore, there was a considerable exodus of Moslem Malay nobles and merchants to Brunei, which was then well established and busy port, probably some of Johore boat people drifted along with this later migration (Majul, 1973:26).*



**Peta 3:**

Negara Brunei Darussalam

(Sumber: MoE Brunei Darussalam, 2005)

Kedudukan Brunei sebagai pelabuhan entrepot mampu dipertahankan sehingga akhir abad ke-16, iaitu sebelum Sepanyol berjaya menduduki Pulau Luzon pada tahun 1571 dan kemerdekaan Sulu dan Mindanao dari kuasa Brunei pada awal abad ke-17 Masihi (Jamil Al-Sufri, 1990:19).

Pertembungan perluasan kuasa Barat (Inggeris) di Nusantara telah mengakibatkan Kerajaan Brunei semakin mengecil. Kerajaan Brunei yang terkenal dengan era kegemilangannya tidak dapat bertahan lama kerana sedikit demi sedikit wilayah jajahannya telah jatuh ke tangan Inggeris. Proses kejatuhan bermula apabila satu persatu wilayah jajahannya dipajakkan kepada kuasa Inggeris, tanpa berjaya ditebus kembali. Kejatuhan Kerajaan Brunei bermula pada akhir abad ke-16 sehinggalah awal abad ke-19 Masihi. Perkara tersebut telah dilaporkan dalam State of Brunei, *Annual Report 1965*, seperti berikut: "Towards the end of the sixteenth

*century, the power of Brunei began to decline and the outlying territories gradually fell away*” (SoB, 1965:236).

Akhirnya, Kerajaan Brunei yang bermula dari sebuah kerajaan yang luas dan menguasai hampir seluruh Pulau Borneo dan selatan kepulauan Filipina telah menjadi sebuah negeri yang kecil dengan keluasan hanya 2,226 batu persegi. Mengenai keluasan Brunei pada masa ini, sila lihat peta 3.

Daripada penjelasan di atas jelas menunjukkan bahawa kerajaan awal Brunei yang diiktraf oleh berbagai kerajaan pada zaman tradisi Brunei seperti benua China, Arab, dan sebagainya telah kehilangan kuasa sepenuhnya akibat kedatangan kuasa Barat pada awal abad ke-19. Kerajaan Brunei yang terkenal dengan *maritim power* dengan jajahan yang luas dan berjaya mencapai kegemilangannya selepas kejatuhan Melaka telah kehilangan kuasa akibat pertembungan dengan kuasa Barat, yang akhirnya Kerajaan Brunei telah semakin mengecut keluasannya.

Kampong Ayer yang merupakan pusat pemerintahan dan pentadbiran pada zaman tradisi Brunei telah dipindahkan ke petempatan baru di kawasan daratan yang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat apabila bermulanya sistem pemerintahan Inggeris selepas tahun 1905. Kampong Ayer bukan sahaja menjadi pusat pentadbiran dan pengembangan agama Islam, malahan merupakan penempatan yang sangat besar di mana aktiviti ekonominya bertumpu kepada perdagangan.

### **PEMBELAJARAN AGAMA ISLAM ZAMAN TRADISI BRUNEI**

Kampong Ayer telah menjadi pusat penyebaran agama Islam yang berkembang pesat kerana terdapat ramai pendakwah Islam yang menyampaikan pelajaran agama Islam kepada penduduk di persekitarannya. Perkara tersebut dikuatkan lagi dengan

adanya masjid di Brunei pada abad ke-16 Masihi. Menurut catatan pelawat dari Sepanyol, “[...] *mosque located at the said town, sat the preacher who expounded the doctrine of Mahoma*” (cited in Nicholl ed., 1975:41).

Dari penjelasan catatan di atas menunjukkan bahawa di Brunei, sebelum 1906, sudah terdapat masjid dan ketika itu terdapat juga pengembang ajaran Islam yang mengajarkan pelajaran agama kepada penduduk yang mendiami Kampong Ayer. Menurut keterangan sumber tersebut, masjid dan balai telah memainkan peranan sebagai tempat pembelajaran agama Islam, yang dipimpin oleh alim ulama seperti Imam, Khatib, dan Mudim yang mempunyai hubungan dengan murid-muridnya. Ini memperlihatkan bahawa sebelum tahun 1906, tempat pembelajaran agama Islam adalah di masjid-masjid dan di balai-balai.

Sekitar tahun 1370 Masihi, seorang ulama berbangsa Arab bernama Syarif Ali<sup>9</sup> dari Taif telah datang ke Brunei. Sesuai dengan kedudukan sebagai ulama dan dilantik menjadi Raja Brunei Ketiga, penyebaran agama Islam semakin meluas dan kukuh. Dengan usaha dan peranan Baginda telah mendorong ramai penduduk di Kampong Ayer belajar tentang ajaran agama Islam, sehingga Baginda digelar sebagai “Sultan Berkat” (Muzium Brunei, 1992:1). Di bawah kepemimpinan beliau, akhirnya agama Islam berkembang luas sehingga meliputi seluruh Pulau Borneo.

Penyebaran agama Islam di Brunei diterima dengan baik oleh penduduk di Brunei, terutama penduduk di persekitaran Kampong Ayer. Ini

---

<sup>9</sup>Syarif Ali ialah keturunan Nabi Muhammad SAW (*Salallahu ‘Alaihi Wassalam*), panir dari cucu baginda, Sayidina Hassan bin Ali bin Abi Talib. Syarif Ali telah dikahwinkan dengan puteri Sultan Ahmad (Sultan Brunei ke-2). Apabila Sultan Ahmad mangkat (1425 Masihi), kerajaan Brunei bersetuju untuk melantik Syarif Ali menaiki takhta Kerajaan Brunei menjadi Sultan Brunei yang ke-3. Untuk lebih lanjut, sila lihat Muzium Brunei (1992).

berbanding dengan penduduk di kawasan pendalaman yang kebanyakan mereka begitu kuat dengan adat dan kepercayaan masing-masing, dan mereka pula amat sukar untuk dihubungi oleh pendakwah Islam. Pendakwah Islam terdiri daripada pedagang-pedagang Arab yang datang untuk berdagang, di samping mengambil kesempatan untuk mengembangkan ajaran Islam di Brunei, terutama penduduk di Kampong Ayer.

Apabila ajaran Islam terus berkembang luas di Kampong Ayer, para Manteri Ugama seperti Datu Imam, Khatib, dan Mudim berserta anak-anak murid mereka telah mendirikan balai di rumah masing-masing bagi tujuan pembelajaran agama Islam. Manteri Ugama tersebutlah yang menjadi kepala kepada sistem balai di Kampong Ayer. Sistem pembelajaran di balai-balai di Kampong Ayer begitu popular sebelum tahun 1906, kerana menteri-menteri agama mempunyai balai masing-masing di rumah mereka. Kegiatan pembelajaran agama berterusan sehingga awal abad ke-20 dengan munculnya beberapa tokoh ulama di beberapa buah kampung, misalnya Kampong Burong Pingai Ayer, Kampong Lurong Dalam, dan Kampong Pengiran Siraja Muda.

Salah seorang ulama tempatan yang tersohor di Brunei ialah Maulana Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Sabtu, yang berasal dari Kampong Pengiran Siraja Muda di Kampong Ayer. Beliau menuntut ilmu agama Islam di Mekah antara tahun 1800–1820 Masihi. Sekembalinya dari Mekah, Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Sabtu mula berdakwah di sekitar Kampong Ayer dengan mengajarkan ilmu agama yang dipelajarinya kepada penduduk setempat di Kampong Ayer (Muzium Brunei, 1992:9). Beliau telah menambah-pesatkan lagi pengembangan pembelajaran

agama Islam di Brunei, khususnya di petempatan Kampong Ayer.

Tindakan Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Sabtu telah dicontohi oleh ulama-ulama yang lain. Ramai ulama di Kampong Ayer telah mengajar ilmu agama Islam dengan membangunkan balai-balai persendirian. Misalnya Dato Haji Ahmad<sup>10</sup> yang tinggal di Kampong Burong Pingai Ayer.<sup>11</sup> Rumah beliau telah dijadikan tempat mengajar ilmu agama seperti sembahyang, mempelajari Al-Qur'an, hukum-hukum agama, pelajaran tauhid, dan lain-lain. Murid-murid yang belajar ilmu agama di balainya selain dari penduduk Kampong Burong Pingai Ayer, ramai juga penduduk dari Kampong Buang Tengkuruk dan Kampong Lurong Dalam turut belajar.

Selain beliau, Pehin Khatib Abdul Razak<sup>12</sup> juga mendirikan sebuah balai khas berdekatan dengan rumahnya bagi tujuan mengajar ilmu agama Islam (Muzium Brunei, 1992:27-28). Kaedah pengajaran yang beliau gunakan dalam sistem balai dengan cara duduk "beliun" (dalam bentuk bulatan atau *halaqah*) dan beliau sendiri akan duduk "di siring" (duduk di tepi). Bagi murid-murid yang sudah pandai menulis akan diberikan kertas. Belajar agama diadakan pada tiap-tiap hari di waktu pagi. Masa belajar tidak ditentukan, biasanya apabila murid-murid itu terasa "sengal" atau penat (letih), masing-

<sup>10</sup>Dato Haji Ahmad seorang pengembang agama Islam yang termasyhur di abad ke-19. Beliau tinggal di Kampong Burong Pingai Ayer. Kampong ini telah menjadi pusat dan tempat pemuzakarahan penduduk sekitarnya yang berminat untuk mempelajari pengetahuan agama Islam.

<sup>11</sup>Kampong Burong Pingai Ayer memang tersohor dengan ulama-ulama yang alim dan merupakan petempatan pembelajaran agama Islam bagi penduduk Kampong Ayer dalam mempelajari dan mendalami ilmu agama Islam.

<sup>12</sup>Pehin Khatib Abdul Razak dilahirkan pada 1879 Masihi di Kampong Burong Pingai Ayer. Beliau gemar mempelajari agama Islam dari guru-guru agama di Kampungnya. Beliau juga merantau ke negeri-negeri jiran bagi mendalami lagi pengetahuan agama Islam. Beliau telah meninggal pada bulan November 1939 ketika berusia 60 tahun. Untuk lebih lanjut, sila lihat Muzium Brunei (1992:17-19).

masing akan meminta diri (pulang). Selepas sembahyang Zohor, beliau meneruskan pengajaran membaca Al-Qur'an (Ahmad, 1989:24-25). Terdapat pelbagai kitab agama yang dijadikan oleh para ulama sebagai panduan dalam menyampaikan ajaran Islam. Antaranya termasuklah kitab-kitab dalam bidang Ilmu Tasauf, Ilmu Feqah, Ilmu Usuluddin (Tauhid), Ilmu Akhlak, Ilmu Saraf, Ilmu Faraid, Ilmu Tafsir, Ilmu Hadith, dan lain-lain (Pengiran Haji Abd Rahman, 1995:20-23).

Seorang lagi pengembang ajaran agama Islam yang terkenal ialah Pehin Khatib Muhammad bin Hassan<sup>13</sup> yang dilahirkan di Kampong Lurong Sikuna, di Kampong Ayer. Beliau banyak memperoleh ilmu agama ketika dibawa bapanya pergi merantau ke Sabah dan Sarawak, sewaktu bapanya mencari pekerjaan. Semasa di perantauan, beliau telah mengambil kesempatan mendalami pengetahuan agama Islam daripada orang-orang yang arif dalam bidang tersebut. Setelah balik ke Brunei, beliau telah membina balai di rumahnya sendiri bagi tujuan berdakwah dan mengajar ilmu agama secara sukarela. Beliau telah mengajar penduduk di sekitar kampungnya tentang Ilmu Faraid, Hukum Nikah Kahwin, dan mengaji Al-Qur'an (Muzeum Brunei, 1992:21-22). Pengajaran beliau telah menarik minat masyarakat Islam, menyebabkan balai di rumah kediamannya penuh sesak dengan penduduk Kampong Ayer dari Kampong Saba, Kampong Peramu, Kampong Setia Pahlawan, dan kampung-kampung lain yang berdekatan.

Selain dari tokoh-tokoh di atas, ramai lagi tokoh-tokoh yang mengembangkan ilmu agama dengan menggunakan balai di Kampong Ayer sebagai tempat pembelajaran. Antaranya termasuklah

Pehin Khatib Abdul Razak bin Abdul Rahman Sambas yang dilahirkan di Kampong Limbongan pada tahun 1875 Masihi; Tuan Imam Abdul Rahman yang dilahirkan pada tahun 1872 Masihi di Kampong Bukit Salat; Pehin Datu Imam Haji Mokti bin Nassar di Kampong Burong Pingai Ayer; dan Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah bin Haji Mohd Salleh di Kampong Lurong Dalam.

Apabila masyarakat Kampong Ayer tahu dan mendengar terdapatnya alim ulama yang mengajarkan ilmu-ilmu agama, mereka akan datang berduyun-duyun ke balai-balai tersebut bagi mempelajari ilmu-ilmu agama. Perkara tersebut telah menjadikan Kampong Ayer menjadi pusat pengembangan dan pembelajaran ilmu agama Islam. Oleh yang demikian, dengan lahirnya alim ulama di Kampong Ayer dan kedatangan para pendakwah ke Kampong Ayer, telah menyebabkan Kampong Ayer menjadi sebuah pusat yang penting dalam penyebaran ilmu-ilmu agama Islam di Brunei.

### **PENDIDIKAN AGAMA DI BRUNEI: DARI KAMPONG AYER KE KAWASAN DARAT**

Pada era 1906–1941, pendidikan sekular masih belum dapat diterima oleh sebahagian besar penduduk. Penduduk Kampong Ayer masih mendapatkan pendidikan agama di balai-balai yang ditubuhkan oleh golongan ulama. Balai yang boleh menampung kira-kira 30 orang pengunjung pada satu-satu masa dibina sebagai tempat beribadat, pengajaran agama Islam, dan tempat berdakwah (Haji Ibrahim, 1976:82; dan Haji Bakir, 1993:9).

Pada awalnya, penduduk Kampong Ayer mempelajari ilmu agama dari golongan tua yang bergelar ulama, yang dijemput oleh Sultan ke istana, kerana di istana mempunyai balai khusus untuk pengajaran agama. Selain Sultan, terdapat juga orang-orang kenamaan dan Pehin-pehin yang dikurniائي gelaran

---

<sup>13</sup>Pehin Khatib Muhammad bin Hassan dilahirkan sekitar tahun 1860-an dan meninggal dunia ketika berusia 80 tahun dalam tahun 1941 semasa pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin.

oleh Sultan mempunyai balai masing-masing. Dalam pada itu, terdapat juga golongan ulama yang menjadikan rumah mereka sebagai pusat kegiatan pembelajaran agama Islam (Asbol bin Haji Mail, 2005). Ulama tersebut mempunyai pembantu yang membantu mereka mengajar, yang terdiri daripada kalangan imam-imam, mudim-mudim, dan orang-orang perseorangan yang berkebolehan dalam ilmu agama.

Pembinaan balai terus berkembang sehingga tahun 1930-an di Kampong Ayer sehingga terdapat beberapa buah balai yang dipunyai oleh ulama dan tokoh agama, umpamanya Pehin Dato Imam Haji Mokti bin Nasar mempunyai balai terletak di Kampong Burong Pingai Ayer (temubual dengan Haji Abdul Majid bin Haji Tuah, 26/9/2008); dan Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Awang Md Yusof bin Pehin Orang Kaya Perdana Wangsa Haji Awang Mohamad mempunyai balai di Kampong Tamoi (Haji Bakir, 1993:7-10). Melalui balai tersebut masyarakat di Kampong Ayer dapat disatukan dan dirapatkan lagi melalui ikatan kekeluargaan sesama penduduk Kampong Ayer. Penduduk Kampong Ayer yang datang ke balai-balai tersebut terdiri dari penduduk Kampong Burong Pingai Ayer, penduduk Kampong Lurong Dalam, Kampong Peramu, Kampong Lurong Sikuna, Kampong Sungai Kedayan, dan Kampong Saba.

Pelajaran agama yang diajarkan kepada masyarakat Melayu Kampong Ayer terdiri pembacaan Al-Qur'an, hukum-hakam dalam Islam termasuk zakat, berjual-beli, perkahwinan, rukun iman, dan rukun Islam (temubual dengan Haji Abdul Majid bin Haji Tuah, 26/9/2008). Pengajaran ilmu-ilmu tersebut berpandukan kitab, seperti: *Risalah yang Kecil bagi Mengetahui Ilmu Usuluddin; Kifiyat Bernikah-Nikahan;* dan *Sabil al-Muhtadin li Tafaqquh fi Amr al-Din*. Selain kitab-kitab tersebut, banyak lagi kitab-kitab dan naskah-

naskah<sup>14</sup> yang menjadi rujukan para alim ulama sebagai panduan dalam mengajarkan ilmu agama Islam kepada penduduk di Kampong Ayer.

Setelah sistem pentadbiran Residen diperkenalkan pada tahun 1906, aspek pendidikan telah diambil perhatian kerajaan, bagi tujuan meningkatkan taraf pendidikan dan hubungan sosial. Sistem pendidikan sekular berbentuk formal yang diperkenalkan diteruskan secara perlahan-lahan oleh pentadbiran Residen British. Dalam masa yang sama, masyarakat Melayu Brunei, terutamanya penduduk Kampong Ayer, masih mempertahankan dan mengamalkan sistem pembelajaran agama secara tradisi yang dilakukan di rumah-rumah persendirian. Penduduk Kampong Ayer bimbang akan pengaruh pendidikan sekular, yang dikatakan akan memesongkan pandangan mereka terhadap Islam (temubual dengan Haji Awang Alimi bin Haji Awang Mohd Yusof, 18/6/2008).

Sistem pendidikan sekular berbentuk formal dengan rasminya diperkenalkan dalam tahun 1914, setelah sebuah sekolah mula dibuka di pusat Bandar Brunei. Sekolah ini mula beroperasi di masjid kerana ia belum mempunyai bangunan tetap. Pembelajaran di masjid semata-mata

<sup>14</sup>Di antara senarai kitab-kitab dan naskah-naskah lama yang berhubung dengan ilmu-ilmu Islam ada tersimpan di Arkib Brunei, Jabatan Muzium Brunei, dan juga di Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. Kitab-kitab tersebut ada tersimpan di ketiga-tiga tempat tersebut yang memerlukan kajian secara terperinci oleh para pengkaji. Di antaranya ialah *Kitab Hidayat al-Salikin* (Arkib/BM/No.2/75, 195 x 160, 230 halaman); *Ilmu Tauhid* (Arkib/BM/No.3/75, 210 x 160, 34 halaman); *Umm al-Barahin wa Bidayah al-Hidayah* (Arkib/BM/No.8/75, 240 x 175, 104 halaman); *Ilmu Tasauf* (Arkib/BM/No.9/75, 200 x 160, 154 halaman); *Ilmu Ibadah dan Masalahnya* (Arkib/BM/No.10/75, 210 x 170, 145 halaman). Sementara itu naskah-naskah lama yang berunsur Islam, yang terdapat di Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, di antaranya *Rahsia Ilmu* (DBP. 197, 195 x 165, 96 halaman); *Berzanji* (DBP. 108, 210 x 165, 72 halaman); *Rukun Sembahyang* (DBP. 109, 106 x 100, 36 halaman); *Kaifiyyat Salawat* (DBP. 111. 145 x 100, 112 halaman); *Bab Nikah* (113, 210 x 160, 44 halaman). Untuk lebih lanjut, sila lihat Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman (1995:34-36).

bertujuan untuk menggalakkan ibu bapa menghantar anak-anak mereka belajar dan memahami ilmu agama Islam. Bagaimanapun, pada peringkat awalnya, pembelajaran di masjid kurang mendapat sambutan dari ibu bapa (SoB, 1914:5). Kemudiannya pada Oktober 1914, pembelajaran tersebut dipindahkan ke bangunannya sendiri, dengan mengambil-alih bekas bangunan Pejabat Monopoli, dengan jumlah pelajar hanya 30 orang murid (SoB, 1914:7; dan DBP Brunei, 1970:26).

Menjelang tahun 1917, jumlah murid di Sekolah Melayu tersebut meningkat kepada 50 orang (SoB, 1914:5; dan Asbol bin Haji Mail, 2009:13-15). Jumlah yang sedikit ini disebabkan masyarakat Brunei menganggap bahawa pendidikan yang diperkenalkan oleh pentadbiran Residen tidak penting. Disebabkan keadaan demikian, Residen telah memperkenalkan *Attendance Enactment* atau peraturan *The School Attendance 1929* untuk memaksa penduduk Brunei, terutama di pusat Bandar Brunei, termasuk masyarakat Kampong Ayer, untuk menghantar kanak-kanak ke sekolah di Bandar Brunei. Jika ibu bapa gagal menghantar anak-anak ke sekolah, mereka dikenakan denda antara \$ 0.50 sen hingga \$ 1.00 bergantung beberapa kali kesalahan dilakukan (SoB, 1930:20; dan Asbol bin Haji Mail, 2010:16-22).

Setelah enakmen diperkenalkan, jumlah bilangan kanak-kanak yang dihantar ke sekolah semakin meningkat dan banyak lagi sekolah didirikan oleh Residen. Dalam tahun 1930, jumlah murid bertambah kepada 688 orang. Sementara itu, kurikulum sekolah telah dibentuk yang mengandungi ilmu membaca dan menulis, berserta juga kegiatan berkebun, kerja tangan, sukan, dan permainan (SoB, 1929:10). Dasar pendidikan dalam tempoh ini hanyalah untuk memberikan kepandaian membaca dan menulis, serta kemahiran-kemahiran lain kepada penduduk Brunei. Tindakan ini

dilakukan bagi mengurangkan kadar buta huruf di kalangan penduduk.

Bermula dari tahun 1914 sehingga 1930, sistem pendidikan di Brunei berbentuk sekular mempunyai dua aliran, iaitu Sekolah Melayu dan Sekolah Cina (SoB, 1916:5). Sementara itu, pendidikan Islam hanya menjadi formal pada tahun 1931 setelah diajarkan sebagai satu mata pelajaran di Sekolah Rendah Melayu, Jalan Pemancha, Pekan Brunei. Bermula tahun 1931, pendidikan formal di Brunei menjadi empat aliran, termasuk pendidikan agama dan Inggeris (Asbol bin Haji Mail, 2010:16-25). Ini menjelaskan bahawa secara perlahan-lahan, sistem pendidikan tradisi ke arah moden di Brunei telah mengalami perkembangan dan perubahan dari segi kurikulum dan aliran pendidikan secara formal.

## **KESIMPULAN**

Kesan dari kedatangan para pendakwah Islam yang menyebarkan agama Islam telah menguntungkan Brunei dari segi perkembangan ilmu agama Islam. Masjid dan balai-balai di istana dan di rumah-rumah di Kampong Ayer telah memainkan peranan sebagai tempat pembelajaran agama Islam dengan diketuai oleh alim ulama seperti imam, khatib, dan mudim. Balai yang boleh menampung lebih-kurang 30 orang telah dapat dimanfaatkan untuk mendalami ajaran ilmu agama Islam, tempat beribadat, dan berdakwah.

Peralihan pembelajaran ilmu agama Islam dari balai di rumah-rumah di Kampong Ayer ke bangunan kekal di kawasan darat telah memberikan ruang dan peluang kepada penduduk Brunei untuk mengetahui ilmu membaca dan menulis berserta dengan kegiatan dan kemahiran-kemahiran yang bermanfaat. Akhirnya, pendidikan formal di Brunei telah diperkenalkan dalam sistem pendidikan Brunei menjadi empat aliran, iaitu aliran agama Islam, aliran Melayu, aliran Inggeris, dan aliran Cina.

## Bibliografi

- Ahmad, Awang. (1989). "Manuskrip Lama Brunei: Sumbangan dan Penglibatan Tokoh-tokoh Agama Masa Lalu". *Kertas kerja* dibenteng dalam Seminar Antarabangsa Tamadun Islam di Alam Melayu, Bandar Seri Begawan, 1-5 Jun.
- Asbol bin Haji Mail, Haji Awg. (2002). "Kesultanan Brunei Abad Kesembilan Belas: Sistem Politik dan Struktur Pentadbiran". *Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial UM [Universiti Malaya].
- Asbol bin Haji Mail, Haji Awg. (2005). "Sejarah Sosial Brunei Darussalam Pra Merdeka: Transformasi Pendidikan Agama dari Rumah ke Sistem Persekolahan" dalam *Prosiding Borneo-Kalimantan 2005: Konferensi Antaruniversiti di Borneo-Kalimantan ke-1*. Kuching, Sarawak: Institut Pengajian Asia Timur UNIMAS [Universiti Malaysia Sarawak], 29-30 Ogos.
- Asbol bin Haji Mail, Haji Awg. (2009). "Bandar Brunei, 1906-1929: Pembentukan dari Kampong Aying ke Darat" dalam *Jurnal Darussalam*, Bil.9.
- Asbol bin Haji Mail, Haji Awg. (2010). *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Brunei, 1950 - 1985*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Blundell, Peter. (1923). *The City of Many Waters*. London, UK: The Hakluyt Society.
- Brown, D.E. (1970). *Brunei: The Structure and History of a Bornean Malay Sultanate*. Bandar Seri Begawan: Brunei Museum Monograph.
- DBI [Department of Broadcasting and Information]. (1987). *Brunei Darussalam 1987*. Bandar Seri Begawan: Prime Minister's Office.
- DBP [Dewan Bahasa dan Pustaka] Brunei. (1970). *Memperingati Penukaran Nama Bandar Brunei Menjadi Bandar Seri Begawan*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Haji Abdul Hamid, Haji Hashim. (1991). "Kampong Aying: Model dan Kesenambungan Sosio-Budaya Brunei". *Kertas kerja* dibenteng dalam Seminar Brunei dalam Sejarah I di Pusat Da'wah Islamiah, Pulaie, Berakas, pada 29-31 Disember.
- Haji Abdul Hamid, Haji Hashim. (1993). *Junjung Tinggi*. Kuala Lumpur, Malaysia: Percetakan Mahir Sdn. Bhd.
- Haji Abdul Hamid, Haji Hashim. (2003). *Islam di Brunei Darussalam: Satu Analisis Sosio-Budaya*. Gadong: Jabatan Kesusasteraan Melayu UBD [Universiti Brunei Darussalam].
- Haji Bakir, Awang Haji Metusin. (1993). *Catatan Sejarah Masjid-masjid Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Hal Ehwal Syariah.
- Haji Ibrahim, Abdul Latif. (1976). "Peranan Rumah-rumah Perkampungan dalam Masyarakat Melayu Brunei" dalam *Iktisar Budaya*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Haji Ibrahim, Haji Abdul Latif. (1984). "Asal-Usul Kampong Ayer di Brunei: Satu Aspek Tuturan" dalam *Jurnal Beriga*, Isu Oktober - Disember. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei
- Haji Salleh, Siti Hawa. (1990). "Syair Awang Semaun: Sebuah Syair Sejarah dari Brunei Darussalam" dalam *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Isu Januari.
- Halim, Yura. (2002). *Siri Sejarah Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hughes-Hallet, H.R. (1940). "A Sketch of the History of Brunei" dalam *Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, Vol.18, Pt.2 [August].
- Jamil Al-Sufri, Mohd. (1990). "Brunei di Tengah-tengah Nusantara" dalam *Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Jamil al-Sufri, Mohd. (1991a). *Survival Brunei dari Perspektif Sejarah*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah Brunei.
- Jamil al-Sufri, Mohd. (1991b). *Tarsilah Brunei: Sejarah dan Perkembangan Islam*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah Brunei.
- Jamil al-Sufri, Mohd. (1992). *Liku-liku Perjuangan Pencapaian Kemedekaan Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah Brunei.
- Jamil al-Sufri, Mohd. (1997). *Tarsilah Brunei: Zaman Kegemilangan dan Kemasyhuran*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah Brunei.
- Jamil Umar, Mohd. (1973). *Catatan Sejarah Pewira-pewira dan Pembesar-Pembesar Brunei*, Jilid II. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Majul, Cesor Adid. (1973). *Muslims in the Philippines*. Quezon City: University of the Philippines Press, Second Edition.
- MoE [Ministry of Education] Brunei Darussalam. (2005). *School Atlas Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Ministry of Education Brunei Darussalam.
- Mohd Yusof, Pengiran. (1958). *Adat Istiadat Brunei*. Bandar Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusof, Pengiran. (1992). *Adat Mengulum Bahasa*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusof, Pengiran & Mohd Jamil Umar. (1997). *Sejarah Brunei*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muzium Brunei. (1992). *Tokoh-tokoh Agama di Brunei Darussalam: Pengenalan Ringkas*.

**HAJI TASSIM BIN HAJI ABU BAKAR,**  
*Pendidikan dari Balai di Kampong Ayer*

- Bandar Seri Begawan: Penerbitan Khas, Bil.23, Muzium Brunei.
- Nicholl, Robert [ed]. (1975). *European Sources for History of Sultanate of Brunei in the Sixteenth Century*. Bandar Seri Begawan: Brunei Museum.
- Pengiran Haji Abd Rahman, Pengiran Haji Mohammad. (1995). "Peranan Ulama Brunei di Masa Lalu dalam Pengembangan Ilmu Islam: Satu Tinjauan Awal". *Kertas kerja* dibentang dalam Seminar Antarabangsa Pengajian Islam di Asia Tenggara. Gadong: Fakulti Pengajian Islam UBD [Universiti Brunei Darussalam], 20-23 November.
- PSB [Pusat Sejarah Brunei]. (2000). *Latarbelakang Sejarah Brunei*. Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei.
- PSB [Pusat Sejarah Brunei]. (2013). *Syair Awang Semaun: Salinan Fotokopi*. Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei.
- Singh, D.S. Ranjit. (1984). *Brunei, 1839-1983: The Problems of Political Survival*. New York: Oxford University Press.
- SoB [State of Brunei]. (1914). *Brunei Annual Report 1914*. Bandar Brunei: State of Brunei.
- SoB [State of Brunei]. (1916). *Brunei Annual Report 1916*. Bandar Brunei: State of Brunei.
- SoB [State of Brunei]. (1929). *Laporan Tahunan Kerajaan Brunei 1929*. Bandar Brunei: State of Brunei.
- SoB [State of Brunei]. (1930). *Report on the State of Brunei for the Year 1929*. Singapore: State of Brunei.
- SoB [State of Brunei]. (1965). *Brunei Annual Report 1965*. Bandar Brunei: State of Brunei.
- Sweeney, P.L. Amin. (1998). "Silsilah Raja-raja Berunai, Teks A: Papers Relating to Brunei" dalam *Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS)*, Number 18, hlm.56-95.
- Temubual dengan Haji Abdul Majid bin Haji Tuah, penduduk di Kampong Burong Pingai Ayer, pada 26 September 2008.
- Temubual dengan Haji Awang Alimi bin Haji Awang Mohd Yussof, Ketua Kampong Perpindahan Burong Pingai Berakas, bertempat No.10, Spg 133, Kampong Burong Pingai Berakas, Brunei Darussalam, pada 18 Jun 2008.